

# KEPENTINGAN ANGGOTA MEMAHAMI PENYATA KEWANGAN KOPERASI



**Julizah Sabstu**

Pusat Kewangan dan Akaun (PKA)

julizah@ikkm.edu.my

## Pengenalan

Pengurusan kewangan koperasi merupakan salah satu elemen penting yang perlu dititikberatkan oleh Anggota Lembaga Koperasi (ALK) kerana melalui pengurusan kewangan yang betul akan memberikan pulangan dan seterusnya dapat memenuhi keperluan anggota. Mengikut perangkaan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) sehingga Nov 2019, hampir 4,200 daripada 14,000 buah koperasi adalah dorman dan tidak aktif yang mana rata-rata mempunyai masalah dalam pengurusan kewangan koperasi. Pengurusan kewangan koperasi merangkumi aspek yang luas antaranya pengurusan belanjawan, pengurusan hasil, pengurusan aset dan kesemua pengurusan tersebut mestilah ditunjukkan di dalam penyata kewangan koperasi. Ini menunjukkan keperluan setiap organisasi mempunyai penyata kewangan yang betul dan mematuhi piawaian perakaunan yang telah ditetapkan.

Kenyataan di atas disokong oleh beberapa kajian. Antaranya, laporan kewangan yang mengandungi maklumat-maklumat lepas dapat

digunakan oleh pengguna penyata kewangan sama ada pengguna dalaman atau luaran dalam pembuatan keputusan dan mengetahui prestasi kewangan sesebuah organisasi (*Perakaunan Kewangan: Engku Ismail, Robiah Abu Bakar, Fauziah Hanim dan Syed Soffian Syed Ismail, 2013*). Kajian Jay Way pula menyatakan penyata kewangan menyediakan maklumat kewangan yang digunakan oleh pelabur, pembiutang dan penganalisis untuk menilai prestasi kewangan syarikat.

Apakah sebenarnya penyata kewangan? Penyata kewangan adalah satu rumusan dimana ia mempunyai rekod formal yang berfungsi untuk menunjukkan kedudukan kewangan serta prestasi kewangan. Ia juga memberikan pandangan keseluruhan keadaan kewangan koperasi bagi jangka masa pendek dan jangka masa panjang dalam sesuatu tempoh perniagaan. Ia mestilah disampaikan dengan cara berstruktur dan mempunyai format yang perlu dipatuhi oleh sesebuah organisasi.



Bagi sektor koperasi, penyediaan dan persempahan penyata kewangan mestilah mematuhi *Garis Panduan 23: Panduan Pelaporan Penyata Kewangan (GP:23)* seperti mana yang dikeluarkan oleh SKM. Di dalam GP ini, ia menjelaskan bahawa penyata kewangan koperasi mestilah mempunyai lima jenis iaitu Kunci Kira-Kira, Akaun Pembahagian Keuntungan, Akaun Perdagangan dan Untung Rugi, Penyata Aliran Tunai dan Nota kepada Akaun.

Kelima-lima jenis penyata kewangan ini akan diberikan kepada anggota bersekali dengan laporan tahunan koperasi dalam tempoh 15 hari sebelum Mesyuarat Agung Tahunan (MAT) koperasi mengikut Undang-undang Kecil fasil 78. Menjadi kewajipan bagi setiap anggota memahami terlebih dahulu kandungan penyata kewangan sebelum dibincangkan di dalam MAT. Walau bagaimanapun, ramai di antara anggota yang tidak dapat memberikan pandangan ataupun cadangan berkaitan penyata kewangan disebabkan majoritinya mengalami masalah membaca penyata kewangan. Anggota koperasi tidak menyedari bahawa mereka adalah pelabur

dan seterusnya merupakan owner dalam koperasi. Malahan ada sesetengah daripada anggota yang menganggap penyata kewangan tidak memberikan kesan sekiranya tidak dikepulkan bersama laporan tahunan. Andaian ini tidak tepat sama sekali kerana laporan tahunan yang lengkap mestilah mempunyai Maklumat Kewangan dan Maklumat Bukan Kewangan yang perlu diketahui oleh anggota koperasi. Maklumat tersebut adalah seperti berikut:

- Maklumat Kewangan merangkumi penyata kewangan, laporan berkanun Lembaga, laporan Jawatankuasa Audit Dalaman, laporan Juruaudit Luar, pandangan SKM dan belanjawan koperasi.
- Maklumat Bukan Kewangan adalah notis dan agenda Mesyuarat Agung Tahunan (MAT), maklumat korporat, minit MAT yang lepas, kenyataan pengurus dan laporan Lembaga.

# KEPENTINGAN PENYATA KEWANGAN

Penyata kewangan mestilah lengkap kerana ia memberikan kepentingan kepada sesuatu entiti perniagaan dan pihak berkepentingan. Antara kepentingan penyata kewangan adalah seperti berikut:

## a. Menunjukkan struktur kewangan dan hasil urus niaga

Penyata kewangan dapat menunjukkan struktur kewangan dan hasil urus niaga sesebuah entiti perniagaan. Melalui struktur kewangan dan hasil urus niaga ini dapat digunakan dalam pembuatan keputusan. Pembuatan keputusan bergantung kepada keuntungan atau kerugian koperasi, kedudukan harta (aset), kedudukan hutang (liabiliti), kedudukan modal (kumpulan wang anggota), kedudukan tunai serta pengagihan kepada pihak berkepentingan.


Pembuatan keputusan berbeza mengikut pengguna penyata kewangan (Jay Way). Pengguna penyata kewangan terdiri daripada pengguna dalaman dan luaran. Pengguna luaran merupakan badan kerajaan seperti Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan SKM, pembekal, bank dan lain-lain. Manakala pengguna dalaman pula adalah anggota, pengurusan, ALK dan Jawatankuasa Audit Dalaman (JAD). Namun artikel ini hanya dikhaskan kepada anggota kerana dengan pemahaman penyata kewangan yang baik daripada anggota, anggota dapat memberikan keputusan yang baik dalam MAT. MAT merupakan kuasa tertinggi dalam koperasi yang mempengaruhi perjalanan operasi koperasi.

(GP 23: Pelaporan Penyata Kewangan Koperasi)

## b. Alat kawalan dalam terbaik

Penyata kewangan merupakan alat kawalan dalam yang terbaik bagi sesebuah entiti perniagaan dalam mengesan dan mencegah daripada berlakunya penipuan, kebocoran dan penyelewengan dana. Penyata kewangan yang baik bukan sahaja dalam perekodan dan pelaporan tetapi merangkumi keseluruhan proses dalam perakaunan. Proses perakaunan meliputi:

1. Urus niaga – contoh penerimaan fee masuk, modal syer, belian, penerimaan tunai dan lain-lain.
2. Dokumen punca – bukti asas seperti invois, baucar bayaran, resit, surat pengutang dan lain-lain.
3. Buku catatan pertama – buku yang pertama direkod apabila berlaku transaksi perniagaan seperti buku tunai, buku tunai runcit, jurnal jualan, jurnal belian, jurnal am.
4. Lejar – pindahan akaun daripada buku catatan pertama. Terdapat dua lejar iaitu lejar am dan lejar subsidiari.
5. Imbangan duga- senarai-senarai baki akaun- akaun daripada lejar dan buku tunai.
6. Penyata kewangan- proses akhir dalam perakaunan dan menunjukkan keseluruhan



Rajah 1: Proses Penyediaan Penyata Kewangan

Penyata kewangan yang digunakan oleh pengguna bukan sahaja disediakan oleh bendahari atau pegawai akaun dalam koperasi tetapi juga diaudit oleh Jawatankuasa Audit Dalam (JAD) dan Juruaudit Luar (JAL). Peranan JAD dan JAL adalah untuk menentukan kesahihan penyata kewangan. Alat kawalan dalaman ini diperlukan bagi merancang penggunaan sumber yang dimiliki koperasi dan memastikan sumber digunakan secara cekap dan berkesan. Sumber koperasi terdiri daripada konsep '5M' iaitu money(wang), machine (mesin), manpower (manusia), method (kaedah), dan material (bahan mentah).

(Takiah Mohd Iskandar dan Norida Basnan, Pengurusan Kewangan Jilid 1 2002)

### c. Mengenal pasti kelemahan dan kekuatan koperasi

Menurut buku *Pengurusan Strategik* yang dikarang oleh Zainal Abidin pada tahun 2007, kelemahan dan kekuatan koperasi dapat dikenalpasti melalui komponen-komponen yang terdapat di dalam penyata kewangan melalui analisis penyata kewangan koperasi. Terdapat dua teknik analisis penyata kewangan koperasi. Antaranya:

1. Analisis trend terbahagi kepada dua iaitu menegak dan mendatar.
  - Analisis trend menegak dapat membandingkan sesuatu item perakaunan dalam sesuatu tempoh. Sebagai contoh, gaji kakitangan dalam jumlah perbelanjaan amat tinggi peratusan sehingga tidak selari dengan jumlah jualan. ALK perlu mengkaji strategi bagaimana peningkatan jualan dapat dilakukan dengan kakitangan yang dimiliki oleh koperasi.
  - Analisis trend mendatar merupakan perbandingan data perakaunan semasa dengan sejarah bagi mengesan perubahan dalam perniagaan. Perbandingan yang baik sekurang-kurangnya meliputi tiga sehingga lima tahun. Sebagai contoh, koperasi mempunyai lima aktiviti utama perniagaan dan perbandingan antara kelima-lima aktiviti hendaklah dibandingkan dengan tiga tahun kebelakang. Penurunan dalam hasil setiap aktiviti perlu dikaji daripada semasa ke semasa untuk mengelakkan aktiviti yang menguntungkan terpaksa menanggung kerugian aktiviti lain.
2. Analisis nisbah terdiri kepada nisbah kecairan, nisbah keberuntungan, nisbah struktur modal dan nisbah kecekapan. Fungsi setiap nisbah berbeza dan setiap nisbah hendaklah dibincangkan semasa mesyuarat pengurusan/ ALK supaya nisbah tersebut dapat diperbaiki dan seterusnya dapat mencapai objektif koperasi.
  - Nisbah kecairan menguji kesediaan aset semasa bagi menanggung liabiliti semasa. Keperluan nisbah kecairan bergantung kepada aktiviti koperasi. Sebagai contoh koperasi yang menjalankan aktiviti stesen minyak nisbah kecairan melebihi aktiviti lain sekurang-kurangnya 5:1.
  - Nisbah keberuntungan menguji setiap RM1 jualan yang dihasilkan memberikan peratusan keuntungan kepada koperasi. Peratusan keuntungan bergantung kepada jumlah kuantiti produk, harga jualan dan kos bahan mentah yang diambil daripada pembekal.
  - Nisbah struktur modal adalah mengukur peratusan modal yang diperoleh daripada luar berbanding sumber dalaman koperasi. Peratusan yang tinggi menunjukkan koperasi mempunyai komitmen dalam membayar hutang dan berisiko untuk membayar kadar faedah yang tinggi.
  - Nisbah kecekapan adalah mengukur keupayaan aset untuk mendapatkan hasil. Aset yang bergerak dengan cepat dalam koperasi lebih baik tetapi memerlukan usaha yang besar daripada organisasi. Sebagai contoh, penjualan stok yang cepat memerlukan usaha yang tinggi seperti promosi secara tradisional atau elektronik dan ketersediaan bahan bekalan.

Melalui teknik analisis di atas, pengurusan/ ALK koperasi lebih mudah dalam membuat perancangan pada masa hadapan dengan mengambil peluang-peluang yang ada bagi memenuhi matlamat koperasi daripada sudut ekonomi, sosial mahupun budaya.

#### d. Membantu anggota membuat keputusan

Penyata kewangan juga merupakan alat yang digunakan dalam pembuatan keputusan oleh pelabur di sesebuah organisasi (Pengurusan Perniagaan Matrikulasi, 2014). Bagi anggota koperasi, penyata kewangan akan diperoleh dalam laporan tahunan yang diberikan setiap kali MAT hendak dijalankan. Laporan tahunan yang lengkap mestilah mempunyai notis MAT, penyata kewangan, laporan JAL dan JAD, laporan Lembaga, laporan aktiviti dan lain-lain. Laporan tahunan ini diagihkan kepada anggota dalam tempoh 15 hari sebelum MAT perlu difahami dan dinilai oleh anggota.

Anggota yang berkualiti adalah anggota yang bukan sahaja menerima dividen dan bergantung harap kepada ALK semata-mata tetapi keperluan memahami penyata kewangan. Keperluan dalam memahami penyata kewangan sangat penting kerana anggota bukan sahaja dapat mengenal pasti penambahbaikan malah dapat mematuhi perundungan dan seterusnya dapat bersaing dengan syarikat-syarikat yang berada dalam industri yang sama.

Sebagai contoh, melalui prestasi penyata kewangan yang dihasilkan, anggota dapat membuat keputusan berkaitan had jumlah pelaburan koperasi sepertimana yang telah ditetapkan dalam GP 16: Pelaburan wang koperasi dan menentukan had maksimum keterutangan koperasi seperti mana yang ditetapkan dalam Peraturan 14.



Jan Feb Mar Abr May Jun Jul Ago Set Oct Nov Dic

10 20 30  
octubre

## JENIS-JENIS PENYATA KEWANGAN

Bagi menganalisis penyata kewangan, kefahaman anggota terhadap setiap komponen-komponen di dalam penyata kewangan amat penting supaya keputusan yang dibuat tepat dan betul. Berdasarkan GP23:Pelaporan Penyata Kewangan Koperasi yang dikeluarkan pada Oktober 2012, penyata kewangan koperasi yang lengkap mestilah mempunyai lima jenis penyata iaitu **Kunci Kira-Kira, Akaun Pembahagian Keuntungan, Akaun Perdagangan dan Untung Rugi, Penyata Aliran Tunai dan Nota kepada Akaun**. Setiap daripada jenis penyata kewangan tersebut mempunyai fungsi yang berbeza-beza dan saling berkait antara satu sama lain:

### 1. Kunci Kira-kira

Tujuan Kunci Kira-kira disediakan adalah untuk mengetahui kedudukan kewangan sesebuah perniagaan seperti jumlah aset (harta), liabiliti (hutang), dan kumpulan wang anggota (modal) bagi suatu tempoh perakaunan.

Item perakaunan	Penjelasan
Aset (Harta)	<ul style="list-style-type: none"><li>- Harta yang dimiliki oleh koperasi. Ia mempunyai nilai ekonomi, pemilikan dan keuntungan pada masa hadapan.</li><li>- Boleh ditukar kepada tunai pada masa hadapan.</li><li>- Contoh aset adalah bangunan, kenderaan, tunai ditangan dan bank, dan penghutang.</li></ul>
Liabiliti (Hutang)	<ul style="list-style-type: none"><li>- Tanggungan atau obligasi yang perlu dijelaskan oleh koperasi akibat daripada urusniaga lepas.</li><li>- Tuntutan pihak luar kepada koperasi.</li><li>- Mempunyai jangka masa tertentu bergantung kepada perjanjian di antara dua pihak.</li><li>- Contoh liabiliti adalah pinjaman yang perlu dijelaskan, pembelian secara kredit, gaji pekerja belum bayar, dividen yang diisyiharkan dan obligasi cukai.</li></ul>
Kumpulan Wang Anggota (Modal)	<ul style="list-style-type: none"><li>- Modal yang boleh digunakan bagi menjana pendapatan koperasi.</li><li>- Tuntutan atau kepentingan pemilik ke atas entiti perniagaan. Sebagai contoh, tuntutan boleh dibuat oleh anggota sekiranya keanggotaan tamat.</li><li>- Keuntungan daripada kumpulan wang anggota ini akan diagihkan kepada anggota dalam bentuk dividen, syer bonus dan kewujudan tabung-tabung lain.</li><li>- Contoh Kumpulan Wang Anggota adalah Modal Syer, Modal Yuran, Akaun Rizab Modal, Akaun Rizab Penilaian Semula dan Kumpulan Wang Penebusan Syer.</li></ul>

<b>KOPERASI XYX</b>		
<b>KUNCI KIRA - KIRA PADA .....</b>		
	20X0	20X1
<b>HARTA TANAH, LOGI DAN PERALATAN</b>	x	x
Aset Geran/Bantuan	x	x
<b>ASET BUKAN SEMASA</b>	x	xx
	xx	xx
<b>ASET SEMASA</b>	x	x
<b>LIABILITI SEMASA</b>	(x)	(x)
<b>Aset / Liabiliti Semasa Bersih</b>	xx	xx
	1234	4567
<b>DIBIAYAI OLEH</b>		
<b>KUMPULAN WANG ANGGOTA</b>	x	x
Kumpulan Wang Rizab Statutori	x	x
Kumpulan Wang/Tabung Bukan Anggota	x	x
Geran / Bantuan	x	x
<b>LIABILITI BUKAN SEMASA</b>		
Liabiliti Lain	x	x
	1234	4567

**Contoh 1:** Format Kunci Kira-kira

## 2. Akaun Pembahagian Keuntungan

Akaun yang menunjukkan cadangan bagi mengagihkan keuntungan tahun semasa. Keuntungan tahun semasa akan diberikan kepada dua pembahagian iaitu statutori dan lain-lain pembahagian. Pembahagian statutori adalah pembahagian wajib yang diperuntukan dalam perundangan koperasi (Seksyen 57,Akta Koperasi 1993).

a. Pembahagian statutori terbahagi kepada tiga iaitu:

<b>Pembahagian Statutori</b>	<b>Penjelasan</b>
Kumpulan Wang Rizab Statutori (KWRS)	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Pengagihan sebanyak 15-25% daripada keuntungan bersih teraudit mengikut GP1: KWRS dan Arahan SKM Bilangan 3/2016.</li> <li>- Diasingkan daripada akaun semasa.</li> <li>- Dilaburkan dalam pelaburan yang berisiko rendah seperti fixed deposit.</li> <li>- Tanggungan atau obligasi yang perlu dijelaskan oleh koperasi akibat daripada urusniaga lepas.</li> <li>- KWRS tidak boleh digunakan untuk operasi perniagaan kerana kegunaannya adalah tertakluk kepada anggota sahaja iaitu membayar syer atau yuran (tanpa perlu melalui kelulusan SKM) dan terbitan syer bonus (perlu melalui kelulusan SKM).</li> </ul>
Kumpulan Wang Amanah Pendidikan	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Ditetapkan sebanyak 2% daripada keuntungan bersih teraudit koperasi.</li> <li>- Dikecualikan apabila:           <ul style="list-style-type: none"> <li>0 Keuntungan bersih teraudit kurang daripada RM100,000</li> <li>0 koperasi sekolah.</li> </ul> </li> <li>- Diberikan kepada SKM sebagai dana bagi meningkatkan pendidikan anggota koperasi secara bersama-sama di bawah satu gerakan.</li> </ul>
Kumpulan Wang Amanah Pembangunan	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Ditetapkan sebanyak 1% daripada keuntungan bersih teraudit</li> <li>- Dikecualikan apabila:           <ul style="list-style-type: none"> <li>0 Keuntungan bersih terauditnya kurang daripada RM100,000</li> <li>0 Koperasi sekolah.</li> </ul> </li> <li>- Diberikan kepada SKM bagi membiayai perbelanjaan dan aktiviti yang bertujuan menggalakkan prinsip dan kemudahan operasi koperasi.</li> </ul>

#### b. Pembahagian-pembahagian lain

Pembahagian-pembahagian lain adalah digalakkan bagi menarik minat anggota terhadap koperasi dari segi modal, tenaga kerja, idea dan lain-lain. Pembahagian lain termasuk dividen, honorarium (wang saguhati diberikan kepada Lembaga), tabung kebajikan dan lain-lain. Pembahagian ini diberikan oleh Bendahari dan juga Lembaga setelah mengambil kira operasi koperasi pada masa hadapan, tanggungan koperasi, pengembangan aktiviti koperasi dan lain-lain.

Untung/(Rugi) Bersih Tahun Semasa	XXX
(+/-): Pelarasan Operasi	
X	
Untung/Rugi bersih Selepas Pelarasan Operasi	
XXX	
(-): Kerugian Terkumpul pada Awal Tahun	
(X)	
Untung/Rugi Bersih Selepas Kerugian Terkumpul	
XXX	
(-): <b>Pembahagian Statutori</b>	
Kump Wang Rizab Statutori	
(X)	
Kump Wang Amanah Pendidikan Koperasi	
(X)	
Kump Wang Amanah Pembangunan Koperasi	
(X)	

**Contoh 2:** Format Akaun Pembahagian Keuntungan

### 3. Akaun Perdagangan dan Untung Rugi

Akaun ini disediakan adalah untuk menyediakan maklumat berkaitan prestasi semasa sesebuah koperasi dalam sesuatu tempoh perakaunan. Akaun Perdagangan dan Untung Rugi adalah sangat berkait rapat antara satu sama lain. Akaun Perdagangan berfungsi untuk mendapatkan untung kasar dimana dalam pengiraan untung kasar hanya mengambil kira hasil dan kos jualan sahaja. Manakala Akaun Untung Rugi pula berfungsi untuk mendapatkan untung bersih koperasi setelah mengambil kira untung kasar dan segala perbelanjaan koperasi.

Koperasi XYZ		
Akaun Perdagangan Berakhir.....		
	20X0	20X1
<b>Jualan</b>	x	x
Inventori Awal	x	x
+Belian	x	x
	xx	xx
-Inventori Akhir	(x)	(x)
<b>Kos Jualan</b>	x	x
<b>Untung/ (Rugi) Kasar</b>	x	x

**Contoh 3:** Format Akaun Perdagangan

#### 4. Penyata Aliran Tunai

Penyata Aliran Tunai adalah penyata yang menunjukkan tunai masuk dan keluar daripada koperasi dalam sesuatu tempoh kewangan. Keupayaan sesebuah koperasi menjalankan perniagaan bergantung kepada aliran tunai. Beberapa kepentingan penyata aliran tunai adalah seperti berikut:

- Mengurus kewangan bagi mendapatkan serta membuat bayaran balik terhadap pinjaman bank.
- Mengetahui kedudukan kewangan perniagaan bagi mengenalpasti kemampuan untuk membayar hutang atau tidak, bil, dan lain-lain perbelanjaan.
- Mengelakkan berlakunya pembaziran seperti beli peralatan mengikut kegunaan yang diperlukan.

Penyata aliran tunai mempunyai empat aktiviti iaitu aktiviti operasi, bayaran berkanun dan agihan, aktiviti pelaburan dan aktiviti pembiayaan.

- a. Aktiviti operasi diperoleh daripada pendapatan utama perniagaan dan sebarang perubahan modal kerja.
- b. Aktiviti bayaran berkanun dan agihan diperoleh daripada bayaran berkanun dan lain-lain agihan.
- c. Aktiviti pelaburan adalah aliran tunai yang berpunca daripada keuntungan dan kerugian perolehan dan pelupusan aset jangka panjang dan lain-lain pelaburan.
- d. Aktiviti pembiayaan merujuk kepada perubahan dalam modal ekuiti serta liabiliti jangka panjang koperasi.

# PENDAPATAN

## Pendapatan daripada

**Contoh 4:** Format Akaun Untung Rugi

**KOPERASI XYX**  
**PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR.....**

	20X0	20X1
<b>Aliran Tunai Bersih daripada Aktiviti Operasi</b>	x	x
<b>Aliran Tunai Bersih untuk Bayaran Berkanun dan Agihan</b>	x	x
<b>Aliran Tunai Bersih daripada Aktiviti Pelaburan</b>	x	x
<b>Aliran Tunai Bersih daripada Aktiviti Pembiayaan</b>	<hr/>	<hr/>
<b>Lebihan /Kurangan Tunai dan Setara Tunai</b>	x	x
<b>Tunai dan Setara Tunai pada Awal Tahun</b>	<hr/>	<hr/>
<b>Tunai dan Setara Tunai pada Akhir Tahun</b>	x	x

**Contoh 5:** Format Penyata Aliran Tunai

## 5. Nota kepada Akaun

Nota kepada Akaun adalah merupakan huraian terperinci yang menjelaskan keempat-empat jenis penyata kewangan di atas. Ia termasuk polisi perakaunan yang digunakan, pengiktirafan komponen setiap penyata kewangan yang diambil kira dan lain-lain pendedahan di dalam penyata kewangan. Tanpa Nota kepada Akaun, penyata kewangan koperasi tidak lengkap dan tidak boleh dibaca dengan sempurna oleh pengguna penyata kewangan.



## Penutup

Tanggungjawab sebagai anggota bukan hanya menyumbangkan modal semata-mata tetapi sebagai pemilik koperasi juga bertanggungjawab dalam menentukan hala tuju koperasi melalui MAT. Anggota yang memahami penyata kewangan dapat memainkan peranan aktif dalam memberi cadangan dan membuat keputusan di dalam MAT. Ini secara langsung dapat meningkatkan kecekapan tadbir urus, mengawal risiko ke atas koperasi dan seterusnya dapat meningkatkan prestasi koperasi daripada semasa ke semasa.

Didikan kesedaran ke atas anggota agar "ambil peduli" dalam memahami penyata kewangan bukanlah tugas yang mudah dan sememangnya memerlukan masa. Anggota perlu diberi penerangan bahawa mereka mempunyai 'kuasa' di dalam menentukan hala tuju koperasi sama ada ke atas operasi perniagaan atau polisi yang diwujudkan melalui platform MAT. Justeru, latihan daripada pakar serta taklimat secara konsisten diperlukan bagi menerapkan kesedaran serta pemahaman dalam membaca penyata kewangan ke atas anggota. Oleh yang demikian, amatlah penting bagi ALK menggalakkan anggota mendalami ilmu untuk memahami laporan penyata kewangan agar dapat bersama-sama berganding bahu dalam menjayakan serta memenuhi matlamat koperasi.

Sebagai satu-satunya pusat latihan koperasi di Malaysia, Institut Koperasi Malaysia (IKM) telah mengambil inisiatif bagi membangunkan modul, latihan, penulisan buku serta program turun padang untuk memberikan kefahaman kepada anggota, ALK maupun pengurusan terhadap penyata kewangan. IKM melalui Pusat Kewangan dan Akaun serta Zon telah melaksanakan pelbagai program, kursus dan bengkel bagi memantapkan serta mendalami ilmu khususnya yang berkaitan penyata kewangan. Program-program yang telah dijalankan pada tahun 2019 adalah seperti Pengurusan Kewangan Koperasi (Wajib 2), Penyediaan Penyata Kewangan, Kursus Perakaunan Asas, Penyediaan Akaun berdasarkan Ms Excel, Kursus Perisian UBS, Penilaian Prestasi Kewangan Koperasi, Bengkel Analisis Penyata Kewangan serta bengkel perakaunan asas. Seramai 2500 orang yang telah dilatih dalam tahun 2019.